

i»iawi

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
?rn n

iMVM!

leKt\$lg BK1RT

HARI ISNIN: 25 OKTOBER 2010

NGAN PERUNDANGAN  
YENI MALAYSIA



**ECANBHJN GAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**JAWAB LALISAN YANG TIDAK DAFAT BERTAWAB BERTDALAM BEWANG**

**(SOALAN NO. 6, 9 MARI 43 )**

**NGTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5, 7 DAN 8**

**[RUJUK PENYATA RASMI HANSARD (HANSARD)]**



PISMERITAMUAW PERTAEWAAia\$ BAG! JAWAB U3M5  
DEWAM RAKYAT

PERTAGWAAM : LISAN  
DARfIPADA : PUAM CHONG EWQ [ BUKST MERTA JAM 1  
TARIKH : 25 OCTOBER 2010  
RUJUICAN : 3023

SO ALAN:

Pusm Chong Eng [ Bukit HeBtajsim ] minta MEMTERI DALALii  
MEOERI menyatakan mengapa PDRM antara agensi yang paling  
banyak dibuat aduan di Biro Pengaduan A warn dan apakah langkah-  
langkah untuk menambah baik perkhidmatan PDRM.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit  
Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut statistik daripada Biro Pengaduan Awam, aduan yang diterima  
oleh mereka terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak  
631 aduan bagi tempoh 1 Januari sehingga 11 Oktober tahun ini. Aduan

yang dibuat ini umumnya adalah mengenai tidak puas hati di atas tindakan yang diambil oleh pegawai polis, lewat mengambil tindakan susulan dan memberi maklum balas terhadap aduan yang dibuat, aduan berkaitan kesalahan saman dan kompaun kesalahan trafik dan seterusnya aduan berkaitan dengan salah laku dan salah guna kuasa oleh pegawai polis.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, daripada 631 aduan yang diterima, sebanyak 565 aduan atau 89.5% daripadanya telah pun diselesaikan dan bakinya sebanyak 66 aduan bersamaan 10.5% sedang dalam tindakan.

Sehubungan dengan aduan yang dibuat ini, Kementerian Dalam Negeri dan juga PDRM memandang serius terhadap semua aduan tersebut. Lantaran itu beberapa langkah bagi penambahbaikan terhadap perkhidmatan polisi telah dilaksanakan dimana antaranya, ialah

- i) PBAM PIDM.

Pelan ini dilancarkan pada 25 Mac, 2010 dan tujuan perlaksanaannya adalah untuk menjadi panduan kepada semua warga PDRM dalam menjalankan tugas dengan penuh komitmen dan keikhlasan sejajar dengan semangat negara dalam pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) kearah

membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai ciri- ciri moral dan etika yang kukuh dengan nilai keagamaan dan kerohanian yang tinggi serta budi pekerti yang luhur. Pelan ini merupakan satu agenda penting ke arah memperkukuhkan integriti dan kesetiaan semua warga PDRM dalam mengutamakan disiplin diri dan seterusnya dapat melaksanakan kewajipan dan kuasa dengan tegas, adil dan berhemah serta mengutamakan hak dan kepentingan masyarakat.

#### 8S) MELAKSANAKAN SISTEM *STAR RATING*

Perlaksanaan sistem ini adalah bagi menjamin peningkatan mutu perkhidmatan PDRM terutama dalam bidang pengurusan, pelaksanaan dasar dan mutu perkhidmatan pelanggan.

#### iii) MELAKSANAKAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sistem pengurusan kualiti ini yang dilaksanakan oleh PDRM telah diiktiraf menepati standard piawaian persijilan MS ISO 9001:2000 dalam pengurusan organisasi PDRM seperti berikut:-

- a) Pengurusan trafik di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang, IPD Petaling Jaya, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman;
- b) Pengurusan dan pencapaian kursus di Maktab PDRM Kuala Lumpur;
- c) Pengurusan Siasatan Jenayah kes Seksual, Penganiayaan kanak- kanak, di Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/ Penderaan kanak- kanak di IPK Kuala Lumpur dan keganasan

rumah tangga di Bahagian Siasatan Jenayah di IPD Cheras, Kuala Lumpur; dan

- d) Pengurusan Perlucuthakan Harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, di Bahagian Perlucuthakan Harta, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPD Johor Bharu Selatan, IPK Johor dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada tindakan PDRM dalam melaksanakan penambahbaikan terhadap perkhidmatan polis seperti yang saya nyatakan, PDRM dalam meningkatkan imej dan prestasinya, telah juga merumuskan sasaran pencapaian matlamatnya melalui penetapan *Key Performance indicators* (KPI) bagi Ketua Polis Negara (KPN). Tujuan mewujudkan sistem KPI ini adalah seperti berikut:-

- i) mengukur tahap prestasi utama berdasarkan kepada objektif PDRM yang merangkumi penurunan kadar jenayah, peningkatan kadar penyelesaian kes, pembanterasannya jenayah terancang, meningkatkan pembanterasannya bertujuan mengurangkan bekalan dan permintaan dadah dan meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah;
- ii) memastikan tahap pencapaian prestasi menepati sasaran yang ditetapkan oleh PDRM iaitu sebanyak 40% dimana lebih tinggi daripada standard Interpol sebanyak 20%



sahaja; dan

- iii) membolehkan satu kajian impak dijalankan bagi mengatasi kelemahan- kelemahan yang telah dikenal pasti secara berterusan.

NO.SOALAN:9

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan William @ Nyallau Anak Badak  
[Lubok Antu]**

**TARIKH : 20 Oktober 2010**

#### SOALAN:

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk perancangan untuk memantau kaum Bumiputera Dayak Sarawak dalam RMKe- 10 bagi meningkat dan melibatkan diri dalam perniagaan, perdagangan dan perindustrian di mana mereka yang masih jauh ketinggalan dalam kegiatan ekonomi melalui berniaga dan perdagangan.

#### JAWAPAN:

Antara fokus utama RMKe-10 ialah bagi memastikan semua rakyat Malaysia tidak ketinggalan dan mendapat manfaat daripada pembangunan sosio-ekonomi melalui pendekatan pembangunan Inklusif. Tumpuan akan diberikan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah, terutamanya di kalangan masyarakat

minoriti Bumiputera, termasuk Bumiputera Dayak Sarawak.

Bagi memastikan projek dan program dapat memberi impak sepenuhnya kepada masyarakat Bumiputera Dayak Sarawak,

beberapa mekanisme pemantauan projek telah diwujudkan. Antara lain, mekanisme tersebut termasuk MaScrnai Bumiputera Sabah dan Sarawak yang ditubuhkan oleh *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU). Mekanisme ini diurusetikan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (101 f, JPM). Di samping itu, Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan RMKe-10 juga diwujudkan di peringkat kementerian dan negeri bagi memantau pelaksanaan projek secara berterusan. Terdapat juga mekanisme yang diwujudkan dengan mengambil kira pandangan dan penglibatan masyarakat tempatan dalam merancang dan melaksanakan program termasuk Jawatankuasa Bersama Pegawai Pembangunan Negeri (8D0) dengan pejabat daerah dan jawatankuasa masyarakat tempatan.



tujuan asuhan rega anak ikan, sistem *Recirculation Aquaculture System* (RA8) uniuk mengitar semula air ternakan bagi peningkatan produktiviti serta penggunaan tangki fiber glass dan *Poly Ethylene* (PE) teiah meningkatkan kadar hidup anak ikan sehingga saiz 3 inci.

Penggunaan *aerotube* yang merupakan alat pengudaraan untuk membekalkan oksigen teilaiut >1i dalam kolam ternakan didapati berkesan meningkatkan kadar tumbesaran benih dengan lebih cepat dan menampung kadar pelepasan benih yang iebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan sistem *paddle wheel*. Seiaian itu, penggunaan *aerotube* juga meningkatkan kandungan oksigen terlarut dalam kolam serta tidak rnenghakis dinding dan dasar kolam.

Teknologi kejuruteraan genetik melalui pemilihan baka iurut diaplikasikan bagi meningkatkan pengeluaran serta kualiti yang boleh diperakui. Tilapia GIFT (*Genetic Improvement of Farmed Tilapia*) telah berjaya ditenak dalam skala besar di Tasik Banding, Perak. Jumlah pengeluaran Tilapia GIFT di Tasik Banding pada tahun 2009 adalah sebanyak 364.7 metrik tan dengan nilai mencecah RM2.20 juta. Manakala pengeluaran Tilapia GIFT 2010 sehingga September 2010 adalah sebanyak 220 tan metrik bernilai RM1.10 juta.

Jabatan Perikanan telah memperuntukkan sebanyak RM82.69 juta untuk memajukan industri akuakultur termasuk ternakan ikan air tawar pada tahun 2010. Manakala jumlah peruntukan untuk pembangunan industri akuakultur bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah sebanyak RM350 juta.

NO. SOALAN: J

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN (MISYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIAN KEDUA BELAS  
(2010)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA  
BESAR)

TARikh : 25 OKTOBER 2010

SOALAN :

Y.B. Dato' Abdul Manan Bin Ismail (Paya Besar) minta PERDANA MENTERI menyatakan isu di mana 70 peratus hotel di Malaysia menggunakan alkohol untuk memastikan makanan tersebut tahan lama, setakat manakah pemantauan oleh pihak JAKIM dalam hal ini, adakah JAKIM bercadang untuk mengubah sistem permohonan sijil halal bagi syarikat yang inginkan sahaja atau mana-mana syarikat yang ingin menjual makanan kepada orang Islam wajib memohon sijil halal dan mengapakah JAKIM tidak mengeluarkan pengesahan haram pada sesuatu produk yang diragui sekadar melaporkan ia tidak berdaftar sahaja di bawah sijil halal.

|

JAWAPAN: (Y.B. AERATOR M&km JEME RAJ.. PATO? SER5

*JAMIL IQIIR BIM HAJI BAHAROSI (B)<sub>3</sub> RIERIER3 DI JABAPR  
PEROARA CENTERS )*

Rush An^j di-Pertua,

Until s nakluman Al ;li Yang Perlic-rrnat, ceiap pemegang sijil habi Jabatan ;  
'emajusri Islam Malaysia (JAJRMyjabstan Agama A Am  
Negeri (JAIN) akan dipantau sekurang-kurangnya dua kali  
sepanjang tempoh sah sijil. Ini iermasuk meiakukan pemantauan terhadap bahan  
dan ramuan yang digunakan di dapur-dapur hotel  
yang telah rmendapat sijil halal dari JAKIM/JAIN. Bagi industri yang berisikotinggi,  
pemantauan dilakukan dengan iebih kerap bagi  
memastikan pihak industri sentiasa mematuhi piawaian halal.  
Selain pemantauan secara berkala, pihak JAKIM turut meiakukan pemantauan  
dan penguatkuasaan berdasarkan aduan yang  
diterima dari orang awam. Sekiranya didapati hotel tersebut tidak  
mematuhi piawaian halal yang ditetapkan, JAKIM akan mengambil tindakan  
dengan menggantung atau menarik balik sijil pengesahan halal hotel tersebut.  
Selain itu, JAKIM dan JAIN dengan kerjasama KPDNKK sentiasa meiakukan  
pemantauan dan penguatkuasaan terhadap hotel yang bukan pemegang sijil  
halal. Hotel yang didapati meianggar piawaian haSal dalam penyediaan makanan  
kepada orang Islamakan diambil tindakandi bawah peruntukan

Akta

Perihal Dagangan (APD )1972.

Pada masa ini, JAKIM belum bercadang mengubah sistem permohonan sijil  
halal sedia ada dan permohonan sijil halal adalah terbuka serta bersifat  
sukarela. Namun begitu, Kerajaan sedang diperingkat akhir untuk meminda

Akta Perihal Dagangan (APD) 1972 yang akan dibentangkan oleh KPDNKK di dewan ini, dimana setiap permohonan sijil halal mestilah melalui JAKIM dan JAIN sahaja. Dengan pelaksanaan ini, Kerajaan yakin bahawa semua pengusaha premis makanan yang mempunyai sijil halal akan dapat dipastikan kesahihan status halalnya dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kepada pengusaha-pengusaha ini.

Mengenai pengesanan haram kepada produk, ianya adalah di luar skop dan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada JAKIM. Namun begitu, JAKIM/JAIN dan KPDNKK tetap mengambil tindakan ke atas pemegang sijil halal Malaysia seperti menarik dan menggantung sijil halal sekiranya mereka gagal mematuhi prosedur dan status piawaian halal yang telah ditetapkan. Ini termasuk di dalam kes produk yang diragui status halalnya.

Sekian, terima kasih.

**PELIBERITAKUAM PERTALIAFAAM DEWAN RAKYAT JAWAPAW OLEH Y.IS. DAW  
SRI LSOW T1QMO LAB MENTERS KESIHATAN MALAYSIA**

**PERYAHYAAH : LISAN  
DARIPADA : DR. LEE L'OOHCE-3YF.  
[QOPEMG 3  
TAREKH : 25 OKTOBER2010  
SOALAN :**

**Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit yang dijangkiti "kuman super" dan apakah langkah diambil oleh Kementerian**



untuk mengawal kuman ini daripada merebak.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan dua soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan bakteria '*superbug NDM-1*' \n\ daripada YB Lanang bertarikh 23 November 2010 dan YB Sabak Bernam bertarikh 15 Disember 2010.

Kuman '*superbug*' mula dikesan pada tahun 2008 dari seorang pesakit yang berasal dari **India** berstatus warganegara Sweden yang telah menjalani rawatan perubatan di salah satu hospital di New Delhi, India. Rentetan daripada itu lebih banyak kes melibatkan '*super bug*' mula direkodkan di seluruh dunia atau secara lebih spesifik di India, Pakistan, dan United Kingdom.

Berikutan dengan itu Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan langkah berjaga-jaga bagi mengesan kes jangkitan yang melibatkan bakteria ini dengan mengarahkan pihak Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) menjalankan ujian bagi mengenal-pasti serta pengesanan bakteria membawa gen NDM-1. Langkah pengawasan (*surveillance*) telah dimulakan dimana semua hospital di seluruh Malaysia telah diarahkan untuk menghantar sampel bakteria yang menunjukkan corak rintangan tinggi terhadap kebanyakan antibiotik yang diuji kepada IMR untuk ujian lanjut.

Sehingga bulan September 2010, hanya terdapat satu kes positif gen NDM-1 yang dikesan. Setelah diselidik dengan lebih mendalam, didapati kes ini adalah melibatkan kes '*colonization*' yang bermakna pesakit tidak mendapat jangkitan daripada bakteria ini, tetapi hanya merupakan pembawa bakteria ini. Tindakan susulan terhadap kes ini telah dijalankan, dan ujian lanjut menunjukkan kes ini tidak lagi dikolonisasi (*colonised*) oleh bakteria tersebut.

Secara umumnya pesakit-pesakit yang disyaki terlibat mempunyai jangkitan bakteria '*superbug*' akan diletakkan di bawah pengawasan unit kawalan infeksi

hospital bagi memastikan agar bakteria ini tidak akan disebarkan dari pesakit terlibat kepada sama ada pesakit lain atau kakitangan kesihatan yang bertugas agar masalah ini dapat dikawal pada peringkat awal.

Bagi memastikan penggunaan antibiotik tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya, Garispanduan Penggunaan Antibiotik di Hospital dan Klinik Kesihatan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk dijadikan panduan oleh semua Pegawai Perubatan di hospital dan klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan. Penggunaan antibiotik juga diawasi oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Selain itu, penggunaan antibiotik dan rintangan terhadap antibiotik juga diawasi oleh Jawatankuasa Kawalan Infeksi dan Antibiotik Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

PE^SERIJAHO

perxaaaaaa : imm  
 D API! PAD A : ' AB. TAM ml LW-)' AAA Ot'-JQ AA TING  
 (AOLAU)  
 AAAIICA ; 25.10.2010

**SOALAN:**

Y.B. TAN SRI DATO' SERS ONO KA TING [ KULAS ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada SJKC baru akan dibina di atas tanah rizab sekolah sesebuah kawasan pembangunan yang besar di bawah RMK-10 dan berapa buah SJKC baru yang bakal dibina,

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Peajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada semua tanpa mengira kaum dan agama di negara ini. Pada dasarnya semua sekolah Kerajaan sama ada Sekolah Kebangsaan (SK), SJKC dan SJKT akan dibina di atas tanah rizab sekolah atau rizab pendidikan, Walau bagaimanapun, berikutan peruntukan yang terhad dan keperluan-keperluan lain yang lebih mendesak melibatkan sekolah-sekolah daif di pedalaman yang memerlukan pembelaan yang sewajarnya menyebabkan Kerajaan mempertimbangkan sewajarnya pembinaan sekolah-sekolah baru. Sementara itu, bagi SJK bantuan Kerajaan adalah menjadi tanggungjawab pihak Lembaga Pengeloa Sekolah (LPS) dan sekolah tersebut mencari tapak dan membina bangunan sendiri apabila mereka memohon untuk berpindah ke tapak baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek di bawah RMKe-10 yang melibatkan pembinaan baru serta ubahsuai naiktaraf bagi semua jenis sekolah masih di peringkat penelitian terakhir Unit Perancang Ekonomi.

R)m 35

SOALAN 14

IT  
LW,

AIHIJAM PIERTANYAAN *DEW AMPAKYAI*

PERIANYAAN

U8AM

DAPJPADA

Y.EL TUAN SIANSKAVASAOASi A/L

SUNDARAH [ KAPAIR I

TAERSKH

25 ©OCTOBER 2010

SOALAN

MemSnfa HENTERQ PELANC0W8AW

Bneoyatakao:

Berapakah jumlah perbelanjaan delegasi Kemenferian untuk mempromosi pelancongan di luar negara sepanjang tahun 2009 dan 2010.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut laporan *United Nations of World Tourism Organization* (UNWTO), jumlah kedatangan pelancong seluruh dunia pada tahun **2009** telah mencatatkan **penurunan 4.2 peratus** iaitu seramai **880 juta** pelancong dengan jumlah pendapatan bagi sektor pelancongan seluruh dunia turut **menurun kepada 5.7 peratus** iaitu **USD852 billion**. Pada tahun **2009**, industri sektor pelancongan seluruh dunia menghadapi trend menurun. Oleh yang demikian, bagi menarik pelancong asing untuk terus datang ke Malaysia, kita perlu menjalankan promosi secara mampan.

Tuan 'fang di-Pertua,

Hasii 'laiipada usaha prnmosi van;.! b^fcnj^an, iutnlah peEanr.ijng asing ke Malaysia telah yiiWiimgkat selbann/alk \$,-.2 pccratys iaitu 16.18 jifta orang pelancong asing bagi tempoh i Januari hingga Ogos 2010 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009 iaitu seramai 15.38 jufa orang pelancong asing. Malah pada tahun 2009, jumlah pelancong asing ke Malaysia juga telah meningkat sebaoyak 7.2 perafys iaitu 23.65 juta orang pelancong asing berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008 iaitu seramai 22.05 juta orang pelancong asing. Ini merupakan pencapaian yang amat baik dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.67 juta pada tahun 2009 dan RM1.58 juta bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2010 bagi delegasi Kementerian untuk mempromosi pelancongan di luar negara.

NO. SOALAN: 15  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARI PADA  
TARIKH

LISAN  
DATUK JUSLIE BIN AJIROL [Libaran] 25 OKTOBER  
2010 (ISNIN)

SOALAN :

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [Libaran ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah benar realiti dalam negara seperti apa yang telah digambarkan dalam keluaran khas pertama Negara-negara Terbaik dalam majalah Newsweek yang menyenaraikan Malaysia berada di ranking ke-37 dari segi penyediaan ekonomi, politik, pendidikan, kesihatan dan kualiti hidup di dunia.

JAWAPAN:

Menurut laporan "*The World's Best Countries*", yang pertama kali dijalankan oleh *Newsweek*, Malaysia berada di kedudukan ke-37 daripada sejumlah 100 negara terbaik di dunia. Kajian ini menunjukkan kedudukan negara dalam menyediakan suasana kehidupan yang selesa dan terbaik dari segi kesihatan, keselamatan, kekayaan dan kualiti hidup. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Finland berada pada kedudukan tertinggi sebagai negara terbaik di dunia, diikuti oleh Switzerland dan Sweden. Di rantau ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua terbaik iaitu selepas Singapura (di kedudukan ke-20) dan lebih baik berbanding Thailand (ke-58), Filipina (ke-63), Indonesia (ke- 73) dan Vietnam (ke-81).



Malaysia berada di kedudukan ke-6 dalam kumpulan negara berpendapatan sederhana, Malaysia menduduki tempat pertama

dalam daya saing ekonomi. dan di kedudukan ke-0 dalam pendidikan. kategori penduduk sederhana hingga tinggi, Malaysia jua menduduki kedudukan yang baik di tangga ke-1 dalam kumpulan negara berpendapatan sederhana. 25 negara.

Dalam menyediakan laporan ini, lima indikator utama telah digunakan sebagai tanda aras iaitu; pendidikan, kesihatan, kualiti hidup, daya saing ekonomi dan persekitaran politik di mana data diperolehi daripada pelbagai agensi antarabangsa seperti *World Health Organization, Global Insight, WEF Global Competitiveness Report, McKinsey Global Institute, Economic Intelligent Unit (EIU), The World Bank* dan sebagainya. Selain itu, metodologi yang digunakan adalah konsisten sebagai mana yang digunakan oleh agensi-agensi antarabangsa.

Menurut laporan, sumbangan utama kepada kedudukan Malaysia adalah daya saing ekonomi (kedudukan ke-14). Ini adalah berikutan usaha kerajaan dalam memudahkan prosedur menjalankan pemiagaan dan sistem penyampaian kerajaan, yang antara lain telah dilaksanakan melalui inisiatif Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAM). Walau bagaimanapun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan terutamanya dalam sektor pendidikan (kedudukan ke-36), kesihatan (kedudukan ke-52), kualiti hidup (kedudukan ke-43) dan persekitaran politik (kedudukan ke-54).

Memandangkan laporan ini dihasilkan berdasarkan data daripada pelbagai sumber agensi antarabangsa dan menggunakan metodologi yang konsisten dengan agensi antarabangsa, ia boleh dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan untuk menilai tahap daya saing negara. Hasil daripada kajian ini, jelas

menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai potensi sebagai salah satu destinasi negara terbaik di dunia. Keputusan ini juga disokong oleh agensi antarabangsa yang lain seperti laporan *World Competitiveness Yearbook* oleh *Institute Management Development* di mana kedudukan Malaysia adalah pada tangga ke-10 daripada sejumlah 58 negara pada tahun 2010, kedudukan Malaysia pada tangga ke-23 daripada sejumlah 183 negara pada tahun 2010 dalam laporan *Cost of Doing Business 2010* oleh *The World Bank* dan kedudukan Malaysia pada tangga ke-26 daripada sejumlah 139 negara pada tahun 2010 dalam laporan *Global Competitiveness Report* oleh *World Economic Forum*.

MG.S0ALAM:

**PBPiimYMM : USAM**

DM&PMtA : YJY IWJMi RJ3AH PT 8ALLEP pCUAMTAWJ)

TARim : 25 OCTOBER 2010 (MMMj

SO ALm:

Y.B. Hajah PuziaEi bt Saileh (Kuanten) minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah warga Malaysia yang gaji bulanannya berada di bawah RM700, antara RM700 hingga RM1,0G0, antara RM1.000 hingga RM1,500, antara RM 1,500 hingga RM2,000 dan RM2,00Q ke atas.

JAWAPAM:

Sumber utama maklumat yang digunakan dalam mengukur pendapatan isi rumah penduduk di negara ini adalah berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). HIS dijalankan dua

setengah tahun sekali untuk tujuan perancangan, iaitu bagi penyediaan rancangan Malaysia lima tahun dan kajian separuh penggal, rancangan Malaysia lima tahun.

Berdasarkan kepada HIS 2009, anggaran bilangan dan peratus taburan isi rumah warganegara yang mempunyai gaji bulanan mengikut pecahan kelas pendapatan adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Anggaran bilangan dan peratus taburan isi rumah warganegara mengikut pecahan kelas pendapatan, Malaysia, 2009

Kelas pendapatan (RM)	Gaji	
	Bil. isi rumah ('000)	% Taburan
<700	42.2	0.9
700 - 999	113.1	2.4
1,000-1,499	481.6	10.4
1,500-1,999	489.1	10.5
>=2,000	3,524.6	75.8
Jumlah	4,650.6	100.0

MO, SOALAM: 17

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PEETAMYAAYI : [ljSAIrl

[YMPABA i YJi,, DATUM HAJE YUSOFF BM HA.J 11AHAL

TAP1YH! : 2S OGCTOBER201(1 (BSWIM)

SOALAM :

**NO. AUM : 19**

Y.B., Datuk Haji Yusoff bin Haip Bin Abdullah [ Lsibusni 3 rinta PE1RDAMA CENTER! menyatakan apakah terdapat skim oleh Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) yang beroperasi di Hub Minyak & Gas Labuan di dalam pengagihan kontrak kerja dan pembekalan kepada syarikat tempatan untuk turut sama bergiat di dalam industri minyak & gas di Labuan khususnya.

JAWAPAM:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa membuka peluang kepada syarikat-syarikat tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk terlibat di dalam sektor minyak dan gas. Di antara program yang dilaksanakan oleh PETRONAS ialah Program Pembangunan Vendor (VDP) yang terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan termasuk di Labuan, yang berminat dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ]
TARIKH	25 OKTOBER 2010
RUJUKAN	3022

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap anasir-anasir yang mencetuskan isu keagamaan sensitif dengan memfitnah YAB. Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang menyembelih lembu korban melalui gambar palsu serta penggunaan namanya menggantikan nama Yang Di-Pertuan Agong dalam khuibah Jumaat.

JAYMPYYJ

NO. AUM : 19

Tuan Yanf; Dipertua,

Saya mengucapkan terirna kasih kepada Ahii Vang Berhormai Baoj Kawan yang rnengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius terhadap sebarang isu sensitif yang boleh membawa kepada ketidakstabilan serta mengancam keamanan negara seperti isu sensitiviti keagamaan dasi fitnah.

Dalam ha! ini saya menasihatkan kepada Yang Berhormat untuk membual laporan polis bagi membolehkan siasaian dilakukan.

INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan           PERTANYAAN LISAN  
Daripada             Dato' Paduka Abuu Bakar bin Taib  
                          [Langkawi ]  
Tarikh Menjawab   25 Oktober 2010 [ Isnin ]  
Soalan                [No. 19]

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ] minta MENTERI  
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan

- (a) adakah RSPO merupakan satu halangan untuk menyekat  
pengeksporan minyak kelapa sawit ke negara Eropah dan  
Amerika Utara; dan
- (b) adakah Malaysia bersedia dan berjaya melawan kempen anti  
minyak sawit yang terdapat di Eropah.

Tuan Yang Dipertua,

*FZoundtabls on Sustainable Raim Oil (R&PQ)* ysncj difubuhkcTiH pada falvm 2004 m^rujXikan satu inisiatif *busings to business* yang merupakan pendekfften *multi stakeholder*.-: Yigi pelaks^nuan j.iawaiam yang boleh digurtapakai secara global nntuk pengeluaran minyak sawii mampan. Ia dianggotai oleh para pengeluar minyak sawit, pembeli, institusi kewangan, dan Badan-badan Bukan Kerajaan.

Piawaiam yang difetapkan di bawah RSPO tidak menyekat aktiviti pengeksportan minyak sawit ke luar negara, terutamanya ke negara-negara Eropah dan Amerika Utara. Ini adalah memandangkan pensijilan minyak sawit mampan di bawah RSPO menyediakan kelebihan bersaing dan memenuhi perrnintaan para pengguna minyak sawit berkenaan bagi penghasilan minyak sawit mampan.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kempen anti minyak sawit, Kementerian bersama-sama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Majlis Minyak Sawit Malaysia felahpun melaksanakan secara berterusan aktiviti-aktiviti untuk menanganinya. Ini termasuk:

- i. menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk aktiviti-aktiviti pemuliharaan di bawah *Malaysian Palm Oil Wildlife Conservation Fund*. Dana ini merupakan sumbangan Kerajaan dan sektor swasta;
- ii. menganjurkan lawatan sambil belajar ke Malaysia untuk Perwakilan Kesatuan Eropah dan Ahli-ahli Parlimen Kesatuan Eropah. Penganjuran lawatan yang bermula semenjak tahun



2007 ini bertujuan untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat dalam menangani isu kemampanan industri sawit. Sehingga kini, seramai 17 orang peserta telah menyertai lawatan ini;

- iii. penganjuran program familiarisasi untuk media asing semenjak tahun 2006. Sehingga kini, seramai 24 orang ahli media asing telah menyertai program ini;
- iv. menjadualkan Misi Bersama Malaysia - Indonesia ke Eropah untuk menangani kempen anti minyak sawit;
- v. menubuhkan Pasukan Petugas Malaysia - Indonesia Bagi Meningkatkan Imej Minyak Sawit. Pasukan ini yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dan wakil industri sawit kedua-dua buah negara bertujuan untuk memantau isu-isu negatif berkaitan industri sawit dan melaksanakan pelan-pelan tindakan bersesuaian untuk memperkukuhkan imej minyak sawit. Ini memandangkan kedua-dua negara mengeluarkan hampir 90 peratus daripada minyak sawit dunia.

IMCXAOP : -2^

**PEKERITAHUAM PERTA52YAAS2 BAC32 JAWAB *US AM*  
*DEW AM* RAKYAT**

PERTAMYAAM : LISAN  
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH | KELAMA JAYA |  
TARIKH : 25 OKTOBER 2010  
RUJUKAM : 3223

SOALAW:

Tuan 6w®~Bume Loh [ KeSama Jaya | msnta MEMTERi DALAM NEGERI menyatakan sama ada ISA, EO dan DDA akan dipinda/dimansuh berdasarkan kepada laporan dan cadangan daripada Working Group on Arbitrary Detention (WGAD) yang melawat Malaysia pada 18 Jun 2010.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam & Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah- Langkah pencegahan Khas) 1985.

Dalam hubungan ini, Kementerian telahpun sedia mengambil kira isu- isu berkaitan Tahanan Tanpa Bicara sebelum sesi lawatan *Working Group on Arbitrary Detention* (WGAD) melalui proses *public engagement* dan *focus group* bersama Badan- Badan Bukan Kerajaan (NGO'S) serta ahli- ahli akademik.

Berdasarkan sesi- sesi tersebut, Kementerian telah mengenalpasti lima (5) perkara pokok yang telah dibangkitkan iaitu Kuasa- Kuasa Menteri, Tempoh Tahanan, Hak- Hak dan Layanan Terhadap Orang

Tahanan, Ku?sa Polis dan Tahanan Tan pa Bicans sebagai asas pertimbangan bagi cadangan pindaan akfcv akfa tesaabiti

If nan '/ann i<sup>1</sup> Mpr;rma;

Berdasarkan suasana dan lantiskap negara yang berlatabelakangkart kehidupan masyarakat berbilang kaum, agama dan adaf resarn, adalah penting bagi Kerajaan untuk memastikan bahawa keselamatan negara serta keharmonian dan kesejahteraan rakyat dapat terus dikekalkan. Penggunaan undang- undang pencegahan ini juga terbukti dapat membantu mengurangkan serta menghindarkan kegiatan jenayah yang boleh menggugat ketenteraman awam.

Justeru itu, cadangan pindaan undang- undang pencegahan adalah perlu bagi memastikan peiaksanaannya menjadi lebih teratur dan efektif bagi menangani masalah jenayah dan pengedaran dadah di Malaysia yang semakin membimbangkan dan dapat memelihara hak asasi orang yang ditahan dan juga untuk mengelakkan sebarang penyaSahgunaan kuasa di dalam melaksanakan undang- undang pencegahan ini.

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
(BN) (BATANG SADONG)**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2010 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (BN) (Batang Sadong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan Kementerian berhubung dengan kes pembuangan bayi, misalnya adakah kajian dijalankan ke atas mereka yang terlibat dalam pembuangan bayi dan apakah keputusan Kementerian terhadap hasil kajian berkenaan.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil beberapa tindakan berhubung kes pembuangan bayi melalui pewujudan **Talian Nur 15999** pada 5 Disember 2007 bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan jika mendapati kanak-kanak dalam keadaan yang mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa atau penjaga.

Selain itu, KPWKM bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui kempen "KAMI PRIHATIN" berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat dan adalah menjadi harapan Kementerian agar banyak lagi inisiatif dilaksanakan oleh sektor korporat dan anggota masyarakat untuk meningkatkan kesedaran bagi membendung gejala ini.

Kementerian juga melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan satu kajian, dengan izin, '*Study on Safe Haven for Babies*' pada bulan Ogos 2006 hingga *10/1/2007*. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan mendapati bahawa pusat perlindungan perlu disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPWKM telah mewujudkan 6 buah institusi sejak tahun 1975 lagi bagi memberi perlindungan kepada wanita mengandung luar nikah, kanak-kanak dan bayi yang dibuang. Kemudahan-kemudahan di institusi-institusi berkenaan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH) 25

OKTOBER 2010 (ISNIN)

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR minta MENTERI

**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI** menyatakan:

Apakah usaha khusus Kerajaan bagi mencapai hasrat pengeluaran beras melebihi 70 peratus keperluan negara dicapai pada tahun 2015. Berikan statistik pengeluaran semenjak 2005 dan anggaran pengeluaran untuk 5 tahun akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tahap Sara Diri (SSL) dalam pengeluaran beras di Malaysia pada masa ini adalah masih pada tahap 70%. Bagi menampung ketidakcukupan 30% beras, Kerajaan melalui BERNAS mengimport dari luar negara. Negara belum lagi mampu mencapai SSL 100% menjelang tahun 2015 kerana jumlah pengeluaran beras masih tidak dapat menampung penggunaan beras dalam negara. Pengeluaran padi tidak dapat mencapai SSL 100% disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan tanaman padi masih rendah yang menyebabkan bekalan air tidak mencukupi;
- (ii) masalah kesuburan tanah;
- (iii) serangan penyakit dan bencana alam;

## SOALAN NO. 23

- (iv) sikap petani yang masih belum berubah; dan
- (v) kedatangan lamai pendatang asing menyebabkan pengguna beras bertambah.

Bagi meningkatkan pengeluaran beras, Kerajaan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

(a) Langkah jangka masa pendek

- (i) meratakan tanah sawah dan memperbaiki saluran air;
- (ii) membina batas-batas ladang;
- (iii) memperbaiki pintu kawalan air;
- (iv) meningkatkan kesuburan dan kemasamaan tanah;
- (v) kawalan makhluk perosak dengan bekalan racun dan bahan kimia;
- (vi) mengadakan majlis penerangan dan dialog dengan petani-petani bertujuan memberi galakan untuk mengamalkan pertanian secara tepat (*precision farming*) untuk meningkatkan hasil padi; dan
- (vii) pemberian subsidi dan insentif kepada petani-petani

(b) Langkah jangka masa panjang

- (i) pembinaan empangan seperti projek Besut Barrage di IADA KETARA dan empangan PEDDA di Terengganu;
- (ii) menaiktaraf kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iii) pembinaan ban-ban penghalang banjir dan jalan-jalan ladang untuk kecekapan pengurusan ladang; dan
- (iv) memperkenalkan varieti baru padi yang tahan rintangan penyakit dan cuaca dan mengeluarkan hasil yang tinggi.

Melalui program-program yang dilaksanakan, jumlah pengeluaran padi telah mencatatkan peningkatan daripada 2.353 juta MT pada tahun 2008 kepada 2.46 juta MT pada tahun 2009. Pada tahun 2010 ia dijangka sebanyak 2.5 juta MT.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA :** **TUAN DING KUONG HUNG**  
**[ SARIKEI ]**  
**TARIKH** : **25 OKTOBER 2010**  
**SOALAN** :

**Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan**

- (a) Sejauh manakah pencapaian pihak Kementerian mengatasi masalah penyakit AIDS di Negara ini; dan
- (b) Nyatakan juga jumlah kes, perubatan dan perbelanjaan mengikut negeri dari tahun 2001 hingga sekarang di Negara ini.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Malaysia telah menetapkan di dalam Matlamat Pembangunan Millenium (*Millenium Development Goal - MDG*) untuk menurunkan kadar jangkitan HIV baru dari 21,7 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 11 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan. Hasil daripada usaha-usaha tersebut, Negara telah dapat menurunkan kadar jangkitan HIV baru kepada 10.8 bagi setiap 100,000 penduduk pada akhir 2009. Ini bermakna Kerajaan telah berjaya mencapai sasaran MDG enam tahun lebih awal daripada tarikh sasaran 2015. Bagi memastikan kejayaan yang telah dicapai ini berterusan serta lebih bermakna, Kerajaan sedang merangka Pelan Strategik Kebangsaan bagi AIDS yang baru bagi tahun 2011 - 2015.

## Tuan YtSiCij toj Parti! a,

Sehingga akhir tahun 2009, bilangan kumulatif kes HIV telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak 7,710. Pecahan kes mengikut negeri pula adalah seperti berikut : Perlis (1,175), Kedah (5,784), Perak (5,719), Pulau Pinang (3,514), Selangor (3,514), WP Kuala Lumpur (3,514), Negeri Sembilan (8,115), Melaka (2,687), Johor (1,000), Pahang (9,030), Terengganu (8,269), Kelantan (1,000) -L'arawak (1,000) dan Sabah (971).

Pada tahun 2009, Kerajaan telah memberikan rawatan kepada 9,962 orang yang layak diberikan rawatan antiretroviral dengan perbelanjaan rawatan serai ujian- ujian yang berkaitan adalah sebanyak RM 32.5 juta setahun. Semenjak tahun 1993 hingga tahun 2010 (17 tahun) sebanyak RM248.5 juta telah dibelanjakan bagi rawatan dan perubatan pesakit AIDS di negara ini, iaitu sebanyak RM4 juta mulai tahun 1993 - 1997, meningkat kepada RM9 juta setahun pada tahun 1998 - 2002 dan ditambah lagi kepada RM19 juta setahun bagi 2003 - 2004. Menyedari bahawa ramai lagi yang memerlukan rawatan serta ujian-ujian yang berkaitan, peruntukan ini ditambah kepada RM28 juta pada tahun 2005. Mulai tahun 2006, hingga kini, sebanyak RM32.5 juta setahun telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN  
(KULIM BANDAR BARU)  
TARIKH : 25.10.2010  
(ISNIN)

#### SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- a) mengapakah Kapten (B) Mukhtiar Singh dinafikan menerima pencen sedangkan beliau telah banyak berjasa dan berkorban nyawa menjaga keselamatan negara seperti yang dilaporkan di dalam akhbar *The Star* bertarikh 18 September 2010; dan

- b) sebagai alternatif, adakah Kerajaan bercadang memberikan anugerah Pingat Gagah Berani kepada Kapten Mukhtiar Singh untuk menerima elaun bulanan yang ditetapkan.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kapten (B) Mukhtiar Singh (60135) telah memulakan perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam Askar Wataniah sebagai *Permanent Staff Instructor* selama 8 tahun, 5 bulan dan 27 hari.

Selepas itu, beliau telah diserapkan ke dalam Ang[safari Tetap sebagai Pegawai Tauliah Jangka Pendek (TJP) selama 8 fcaEcuns,, 3-^ufen dan '51:?' tiel Seliau telah menamatkan perkhidmatan TJPnya pada 12 'km

Mengikif>: peraturan syarat-syarat perkhidmatan .ATM yang berkuatkuasa pada ketika itu, Kapten (IS) Piiuikhtlar Singh tidak Sayak dibayar Pencsirs Perkhidmatan tetapi hanya layak dibayar Ganjaran Tam at Perkhidmatan sebagai Pegawai Tauliah Jangka Pendek (TJP).

Secara keseluruhannya, dengan mengambil kira perkhidmatan yang lepas, peiarasan Ganjaran Tamat Perkhidmatan yang telah dibayar kepada beliau adalah berjumlah R5i71,280.00. Kementerian Pertahanan tidak menafikan bahawa Kapten (B) Siukhtiar Singh telah banyak berjasa serta mempunyai retool perkhidmatan yang cemerlang termasuk semasa beliau berkhidmat dengan PDRM. Walau bagaimanapun, semasa beliau menamatkan perkhidmatannya, syarat-syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa iianya melayakkan beliau dibayar Ganjaran Tamat Perkhidmatan tanpa Pencen mengikut undang-undang yang berkuatkuasa ketika itu.

Tuan Yang Dipertua,

NO SOALAN : 24

Walaupun begitu, sebagai seorang Veteran *ATM* yang diiktiraf, beliau layak dibantu oleh Kementerian Pertahanan dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) *ATM*. Kerajaan amat menghargai jasa bakti serta keberanian luar biasa yang ditunjukkan oleh beliau, khususnya dengan penganugerahan *Colonial Police Medal for Gallantry In Action* oleh Kerajaan Britain pada bulan Mei 1957. Beliau juga dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian oleh DYMM Sultan Selangor di atas jasanya.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah yang proaktif dengan mengemukakan sokongan kepada Kerajaan agar Kapten (B) Mukhtiar Singh dianugerahkan Pingat Keberanian Persekutuan yang setimpal dengan keberanian yang telah ditunjukkan.

PEIETANYAAIM : LIS AH  
DARIPADA i Y.B. DATO' SERI TEOHG KING SING  
(BINTULU)

YAEEKH : 25,,1fj'AfnO

**SOALAN:**

Y.B. DATO' SERS **TIONG** KING SING [ **BINTULU** 3 minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) sejauh manakah pihak Kementerian berjaya mengurangkan masalah disiplin pelajar dan gengsterism di sekolah-sekolah; dan
- (b) sejauh manakah keharmonian kaum di sekolah-sekolah dapat dipupuk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau gejala salah laku murid terutamanya yang cenderung meiakukan unsur-unsur bersifat jenayah seperti pergaduhan atau pun gangsterisme.

KPM sentiasa memandang serius masalah yang berkaitan dengan disiplin murid dan akan membendung hingga ke peringkat akar umbi agar gejala ini tidak berleluasa. Bagi tujuan itu, KPM sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara khusus bagi menangani masaiah pergaduhan atau gangsterisme ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes yang berlaku dalam kawasan sekolah akan diambil tindakan oleh pihak sekolah mengikut Peraturan Disiplin 1957 yang memberi kuasa penuh kepada pengetua dan guru besar untuk

mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap murid. Selain daripada penguatkuasaan disiplin, pelbagai pendekatan telah diambil bagi membentasi gejala tidak sihat ini menerusi usaha pencegahan dan pemulihan, antaranya:

- i. penerapan nilai-nilai murni menerusi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah. Murid-murid sering diperingatkan mengenai keburukan kegiatan tersebut menerusi perhimpunan di sekolah;
- ii. ceramah-ceramah khas mengenai keburukan kegiatan tersebut dengan melibatkan pihak polis dan mengingatkan mereka secara berterusan menerusi perhimpunan mingguan di sekolah. Di samping itu, Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) telah ditubuhkan di sekolah dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). KPM sentiasa menjalinkan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut;
- iii. perkhidmatan kaunseling di sekolah yang dikenalpasti akan dilakukan secara lebih berfokus kepada permasalahan sosial pelajar. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah akan dikenakan sebagai usaha akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah;
- iv. bagi murid-murid yang dikesan terlibat dengan kegiatan tersebut, pihak sekolah akan menyiasat sejauh mana penglibatan mereka dan dalam kes-kes tertentu bantuan dan pandangan daripada pihak polis akan diminta; dan
- v. sekiranya murid yang terlibat itu mempunyai latar belakang daripada keluarga yang bermasalah, maka kes ini akan dirujuk terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, KPM berpandangan ibu bapa dan masyarakat sekeliling juga memainkan peranan penting bagi membantu mengekang gejala negatif ini daripada menuai.

